

25 MAR 1997

PKNP KINI PEMEGANG EKUITI UTAMA DALAM LUMUT MARITIME TERMINAL

IPOH, 25 Mac (Bernama) -- Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah menambah ekuitinya dalam Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMT) kerana kerajaan negeri yakin dengan potensi syarikat itu dalam bidang pelabuhan yang pesat berkembang.

PKNP telah meningkatkan sahamnya kepada 50 peratus daripada 30 peratus, yang menjadikannya pemegang ekuiti utama dalam syarikat tersebut, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Katanya syarikat Bumiputera yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti perkapalan, minyak dan gas, Halim Rasip Holdings Sdn Bhd, telah mengurangkan ekuitinya daripada 30 peratus kepada 10 peratus melalui penyusunan semula dalam LMT lebih setahun lalu.

Selebihnya dipegang oleh IPCO Constructors Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat IPCO International Ltd, sebuah syarikat antarabangsa yang membabitkan diri dalam pembangunan prasarana.

Ramli berkata demikian semasa menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pangkor, Datuk Haji Mohamad Wajdi Datuk Haji Ishak pada persidangan penggal ketiga Dewan Undangan Negeri yang kesembilan di sini hari ini.

Beliau berkata pembinaan Pelabuhan Lumut, yang telah dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Julai 1995, telah turut mewujudkan kegiatan ekonomi sampingan dengan pertumbuhan perindustrian yang pesat di Taman Perindustrian Pelabuhan Lumut.

Jumlah pelaburan di Taman Perindustrian Pelabuhan Lumut dianggarkan sebanyak RM1.5 bilion termasuk pelaburan dari Taiwan Marble Association yang bernilai RM832 juta dan komitmen jualan kawasan perindustrian seluas 160 hektar.

Beliau berkata selain itu, pencapaian Pelabuhan Lumut adalah memuaskan dengan jumlah kapal yang singgah meningkat daripada 38 pada 1995 kepada 158 tahun lepas, naik 315 peratus.

Pada 1996, jumlah kargo yang dikendalikan meningkat kepada 714,125 tan daripada 89,522 tan pada tahun 1995.

Manakala perolehan pengurusan kargo meningkat sebanyak 104 peratus daripada RM4.8 juta pada 1995 kepada RM9.82 juta tahun lalu. -- BERNAMA

HK SIA